

# Piala Dunia vs Ramadan

Oleh Rashiqah Ilmi  
Abd Rahim

rashiqah@bharian.com.my

**K**EHANGATAN perlawanan bola sepak Piala Dunia 2010 yang bermula 7 Jun lalu terus mewarnai rutin harian sebahagian besar masyarakat dunia dan antara yang menantinya ialah umat Islam negara ini memandangkan sukan bola sepak berprestij ini hanya dapat disaksikan empat tahun sekali.

Tidak kira sama ada di bandar atau kampung, perbincangan mengenai ketangkasan pemain dan kehebatan pasukan yang bertanding menjadi bualan ramai khususnya ketika mereka berkumpul di kedai mamak, restoran, pejabat dan sekolah, sehingga ada kalanya perbincangan berlarut-larut dalam jangka masa lama.

Menyaksikan peminat memakai jersi pasukan pilihan sebagai tanda sokongan pasukan yang bertanding dan sanggup berjaga malam, hatta ada kalanya sehingga menjelang dinihari, suatu kebiasaan kepada mereka yang belum tentu sedia dilakukan sesetengah umat Islam ketika meraikan Ramadan.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komu-



Mohd Amril Salleh



Dr Muhammad Fauzi Juminan

nikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Fauzi Juminan, menganggap fenomena itu sebagai lumrah dan naluri manusia terhadap keinginan mendapatkan hiburan dalam konteks positif, sekali gus siaran perlawanan bola sepak tampil sebagai alat penyatuan masyarakat.

"Kebenaran ini antaranya dapat dilihat melalui kesepakatan saudara dan jiran tetangga untuk berkumpul dan menyaksikan perlawanan bola sepak secara beramai-ramai yang sudah pasti mendekatkan hubungan sesama mereka," katanya pada pertemuan dengan *Sastera* di Serdang, baru-baru ini.

Sungguhpun demikian, beliau bimbang melihat ketaksuban umat Islam dalam melakukan hal ukhrawi sehingga sanggup berjaga hingga lewat malam untuk menonton

'qiam piala dunia', tetapi tidak ramai yang sanggup berjaga malam untuk mengadakan qiamulail.

"Alangkah eloknya jika semangat yang ditonjolkan dalam 'meraikan' Piala Dunia 2010, turut berlaku ketika umat Islam menanti kedatangan Ramadan yang dipenuhi pelbagai peluang untuk menambah pahala dan amalannya. Ada baiknya juga kesediaan berjaga sehingga lewat malam sepanjang Piala Dunia 2010 dijadikan latihan untuk beribadat pada Ramadan," ujarnya.

Dr Muhammad Fauzi berkata, meskipun fenomena itu hanya sekadar budaya hiburan masyarakat, mereka tetap perlu sentiasa mengingatkan diri agar tidak mengabaikan tanggungjawab dalam hal pekerjaan dan mengambil berat terhadap isu ummah.

"Sebagai umat Islam dan masyarakat Melayu, semangat mencintai agama

perlu ditonjolkan secara meluas kepada orang bukan Islam bagi mengagalkan hasrat mereka untuk mengaburi mata orang Islam dengan hiburan duniawi. Malangnya kita sentiasa diperdaya sehingga ada yang terabit dalam budaya negatif seperti perjudian pada musim Piala Dunia 2010," katanya.

Pekerja swasta, Mohd Amril Salleh, berkata sambutan Piala Dunia 2010 dan sambutan Ramadan adalah dua perkara berbeza, tetapi tidak menafikan keghairahan masyarakat sepanjang berlangsungnya perlawanan kadang kala melebihi semangat meraikan Ramadan.

"Saya tidak nafikan majoriti masyarakat khususnya golongan Adam yang sanggup mengorbankan waktunya untuk bangun tengah malam hanya untuk menonton pertandingan bola sepak meskipun keesokan paginya perlu bekerja," katanya yang mengakui sanggup bersengakui mata untuk menyaksikan perlawanan bola sepak.

Baginya, tidak salah sekiranya masyarakat gemar menonton Piala Dunia 2010 selagi tidak mengabaikan ibadat kepada Allah SWT dan sebagai tanda sokongan khususnya kepada pasukan bola sepak yang pemainnya di kalangan beragama Islam seperti pasukan Ghana, Korea Selatan dan Perancis.

Ditambah pula, kegilaan terhadap Piala Dunia 2010 bukan perkara baru, hatta kepada masyarakat antarabangsa sehingga golongan wanita kini juga mula meminati sukan terabit ini dan tidak hairanlah ramai yang sanggup membazirkan masa mahupun tenaga untuk melepak di warung.

"Berbeza dengan Ramadan kerana setiap individu lebih tenang pada bulan yang membawa penuh pengertian ini. Masyarakat kita masih mengamalkan sahur pada awal pagi dan menghidupkan amalan qiamulail, tetapi tidak ramai yang perasan kerana pendekatan lebih kepada secara senyap," katanya.



Yeah gol lagi! Cayalah Belanda hahaha! Hai yang oi, nampaknya Piala Dunia ni ramai yang berjaga malam. tak kira usia, bangsa, jantina, agama. Semua gila bola dan ye Brazil awak kalah, K. A. L. A. H. hahaha.

Mustahil, mustahil bolos lagi! Brazil ku, oh tidak! Grr, hei awak tau tak yang peliknye bila Ramadan tak ramai pulak sanggup berjaga malam untuk beramal ibadat, lepas tu malas bangun sahur macam awak.

FAZZI 2010

Apasal boleh kalah ni, geramnye, NSAPI